



Tel: 0300-21-6707 suruh: 4718



Email: bisnes@NSTP.com.my



# TANGANI SEGERA

**Pembesaran jurang kekayaan beri impak negatif kepada negara**

**Nurhayati Abilah dan Amir Hisyam Rasid**

bisnes@nstp.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**etaksamaan jurang kekayaan yang membimbangkan akan menyebabkan pertumbuhan lemah dalam perbelanjaan persendirian, memandangkan harga barang dan perkhidmatan akan menjadi lebih mahal serta tidak mampu dimiliki.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, impak negatif daripada pembesaran jurang kekayaan termasuklah ma-

salah kehilangan tenaga kerja kerana pekerja berkemahiran mahu mencari kerja berpendapatan lebih tinggi.

“Menangani isu berkaitan kos sara hidup amat mustahak kerana apa yang penting adalah pendapatan sebenar, iaitu pendapatan selepas diselaraskan dengan kadar inflasi.

“Dari segi itu, pengkuasaan undang-undang sedia ada berkaitan anti pencatutan dan kawalan harga penting kerana kita perlu memastikan pengguna tidak menjadi mangsa sya-

rikat tidak bertanggungjawab,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kerajaan dijangka melaksanakan langkah segera dengan mengenal pasti golongan berpendapatan rendah terutama

sejuta isi rumah bagi mengatasi jurang pendapatan ketara di Malaysia.

Katanya, golongan berkenaan perlu dibantu daripada segi usaha untuk meningkatkan pendapatan meneru-

si penawaran peluang kerja yang sesuai, meningkatkan kemahiran dan juga peluang pendidikan.

“Selain itu, kos sara hidup mereka juga perlu dibantu dari segi bantuan sara hidup dan juga membimbing mereka untuk menjalankan gaya hidup yang tidak bersaskan hutang,” katanya.

Beliau berkata, peningkatan jurang pendapatan berlaku antara T20 (kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi) dengan M40 dan B40 adalah sedang tinggi.

“Jadi sebarang peratusan peningkatan pendapatan T20 memberikan jumlah pendapatan secara relatif lebih tinggi berbanding golongan M40 dan B40,” katanya.

**FAKTA**  
Kerajaan dijangka melaksanakan langkah segera